

**Budaya 'Ali Baba' berterusan walaupun PM melakukan reformasi ekonomi, kata Pua**  
**Malaysian Insider**  
**7 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Ogos — Amalan mencari sewa, naungan dan kronisme terus untuk berkembang maju di Malaysia seperti yang terbukti dalam keputusan kontroversi Putrajaya untuk menganugerahkan kontrak RM1 bilion untuk pengembangan rel kepada konsortium kejuruteraan George Kent yang telah dilaporkan memberikan kontrak luar 80 peratus daripada kerja-kerjanya, kata setiausaha agung DAP, Tony Pua.

Ahli parlimen pembangkang itu berkata, beliau terkejut bagaimana perdana menteri mahu melakukan reformasi dalam ekonomi dan pentadbirannya apabila projek besar masih diberikan kepada kroni Barisan Nasional (BN).

"Kami benar-benar terkejut bagaimana Datuk Seri Najib Tun Razak boleh terus bercakap tentang 'Model Ekonomi Baru' dan 'Transformasi Ekonomi' apabila kroni Barisan Nasional (BN) terus memenangi tender kerajaan yang lumayan melalui pencarian sewa dan naungan, dan bukan kerana kecekapan, kualiti dan daya saing harga.

"Anugerah itu menunjukkan bahawa kontraktor Ali Baba yang masih hidup kerana hubungan politik mereka serta pakar navigasi dalam proses perolehan kerajaan terus mendominasi di Malaysia," kata Pua dalam satu kenyataan hari ini.

Najib telah mengumumkan polisi Model Ekonomi Baru (NEM) pada bulan Mac 2010 untuk menggantikan polisi tua Dasar Ekonomi Baru (NEP) yang diperkenalkan oleh ayahnya, Tun Abdul Razak Hussein yang juga perdana menteri kedua.

Najib membuat percubaan untuk mereformasikan sistem tender kerajaan dengan membuka ruang kepada bukan bumiputera dengan lebih telus di mana sebelum ini kontrak kerajaan hanya diagihkan kepada yang rapat dengan pihak berkuasa.

Amalan ini dikatakan sebagai budaya 'Ali Baba' oleh pengkritik dan parti pembangkang.

Penganugerahan projek lumayan penambahan LRT Ampang itu kepada Konsortium George Kent minggu lalu dikritik hebat kerana dikatakan mempunyai campurtangan politik dalam urusan pemberian tender seperti yang didakwa oleh pengarah strategi PKR, Rafizi Ramli.

Pua merujuk kepada laporan terbaru oleh akhbar kewangan tempatan, The Edge Business and Financial Weekly yang telah dikeluarkan hujung minggu lalu menekankan firma kejuruteraan tempatan George Kent mengsubkontrakkan 80 peratus daripada kerja-kerja untuk transit aliran ringan (LRT) projek pengembangan pada jalur Ampang.

Akhbar mingguan itu melaporkan, menurut sumber dalam industri yang tidak mahu dikenali berkata, menganugerahkan kontrak luar lebih daripada 30 peratus daripada pakej kerja khusus dipersoalkan kerana George Kent dipilih kerana mempunyai keupayaan pengkhususan teknikal yang spesifik.

Kepakaran George Kent, yang diperhatikan dalam pembuatan itu seperti bekalan "instrumentasi kawalan telemetri, paip, injap dan kelengkapan, meter air industri dan

domestik, dandang”, serta “kaca gentian bertetulang poliester (FRP) tangki panel untuk simpanan air secara pukal”.

“Tetapi maklum balas daripada industri mengenai penganugerahan seperti itu yang dilaporkan dalam isu terbaru The Edge adalah yang paling mencalarkan integriti dan kredibiliti kementerian kewangan di mana jawatankuasa kewangan diketuai oleh Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri,” kata setiausaha publisiti DAP itu.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/budaya-ali-baba-berterusan-walaupun-pm-melakukan-reformasi-ekonomi-kata-pua/>